

04 JUL 1996
Olimpik - Jamuan
MOM ANJUR JAJUAN MALAM RAIKAN KONTINJEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bersama AT&T Communications Services (M) Sdn Bhd menganjurkan jamuan malam meraikan kontinjen Malaysia yang akan menyertai Sukan Olimpik Atlanta 1996.

Jamuan itu dihadiri oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Loke Yuen Yow, para pegawai MOM dan Majlis Sukan Negara serta wakil pelbagai persatuan sukan.

Pada majlis itu, setiap anggota pasukan Olimpik menerima peralatan TT&T Olimpik berupa buku panduan AT&T Atlanta, cenderahati, serta kad telefon Telekom Malaysia yang membolehkan mereka membuat panggilan terus ke negara ini semasa di Atlanta.

Peringkat kedua program penajaan AT&T ialah pada Sabtu ini pada upacara yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada majlis jamuan itu, sebanyak RM65,000 telah dapat dikumpulkan daripada pelbagai pihak dan penaja lain.

Pada majlis itu, kontinjen Malaysia mengandungi 36 atlit dan 16 pegawai, menandatangani ikrar untuk menyumbang RM100 daripada elaun saku kepada Dana "Athletes Against Poverty" yang ditubuhkan bersama oleh MOM dan Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP).

Ikrar itu akan disampaikan kepada Perdana Menteri pada Sabtu.

Terdahulu, Presiden MOM Tan Sri Hamzah Abu Samah berkata melalui inisiatif menaja pasukan itu, AT&T telah membantu bagi menyemarakkan semangat anggota pasukan.

Sokongan yang diterima dari TT&T dan penaja lain menunjukkan bahawa pasukan Malaysia menerima sokongan kuat daripada kalangan individu, korporat dan peminat di negara ini. -- BERNAMA

AHA FAZ